

**PANDUAN PERLANTIKAN / APPOINTMENT GUIDELINES
SKIM PENYELIDIK FELO/ RESEARCH FELLOW SCHEME**

1.0 TUJUAN / PURPOSE

Tujuan skim ini diwujudkan adalah untuk untuk memperkasa keupayaan penyelidik UTM dalam penulisan penerbitan berimpak melalui kerjasama strategik dengan penyelidik yang diiktiraf.

The purpose of this scheme is to enhance the capacity of UTM researchers in writing impact publications through strategic collaboration with recognized researchers.

2.0 OBJEKTIF / OBJECTIVE

Berikut adalah objektif diwujudkan skim ini;

- 2.1 Membantu penyelidik universiti mendapat bimbingan dan pengalaman daripada pakar berpengalaman dalam penerbitan berimpak tinggi.

To help the university's researchers to receive training and knowledge from experts who have vast experience in high-impact publications.

- 2.2 Meningkatkan kepakaran penyelidik universiti untuk menghasilkan lebih banyak penerbitan berindeks dan berimpak tinggi.

To enhance the expertise of the university's researchers to produce more high-indexed and high-impact publications.

- 2.3 Meningkatkan hubungan dan jaringan dengan organisasi atau agensi di peringkat antarabangsa.

To increase number of international networking.

- 2.4 Meningkatkan kolaborasi geran penyelidikan dengan pihak luar.

To increase number of research grant collaboration with other organizations/agencies.

3.0 KATEGORI PERLANTIKAN / *APPOINTMENT CATEGORY*

3.1 Kategori perlantikan dalam skim ini adalah Lantikan Penyelidik Felo

Appointment category for this scheme is Research Fellow:

- i. Calon WAJIB memiliki PhD (terbuka kepada calon luar UTM)

Candidate must have a PhD (open to all external candidate)

- ii. Perlu menghasilkan Penerbitan Jurnal Q1 atau Q2 untuk lantikan bagi tempoh 6 bulan.

Is required to produce Q1 or Q2 articles for an appointment within 6 months.

- iii. Calon perlu menjalinkan kolaborasi dengan mana-mana staf akademik UTM. Staf akademik UTM, juga digalakkan untuk bekerjasama dengan calon dalam bidang penyelidikan yang bersesuaian. Ini adalah untuk mengalakan hubungan kerjasama dua hala.

Candidates are required to collaborate with any UTM academic staff. On the other hand, UTM's academic staff are also encouraged to work with candidates in the appropriate research field. This is to encourage bilateral cooperation.

4.0 SYARAT PERLANTIKAN / *TERMS OF APPOINTMENT*

4.1 Borang Permohonan/*Application Form*

- i. Permohonan perlu dikemukakan melalui Pusat Kecemerlangan (CoE) atau Kumpulan Penyelidikan (RG)

Application must be submitted through Centre of Excellence (CoE) or Research Group (RG)

- ii. Semua permohonan bagi perlantikan penyelidik felo ini perlu mengemukakan maklumat berikut:
 - a. latar belakang pendidikan
 - b. jawatan yang dipegang
 - c. anugerah yang diterima
 - d. senarai penerbitan dan nilai impak

All applications for Research Fellow must provide the following information:

- e. *educational background*
- f. *position held*
- g. *list of publications with impact-factors*
- h. *award received.*

4.2 Dokumen Sokongan / *Supporting Documents*

Calon perlu mengemukakan beberapa dokumen sokongan sewaktu membuat permohonan iaitu:

- i) Curriculum Vitae – dengan memberikan rekod penerbitan berserta CIF untuk tempoh 2-3 tahun sebelum tarikh permohonan dibuat.
- ii) Salinan passport
- iii) Borang permohonan

The candidate requires to submit the following supporting documents at the time of application:

- i) *Curriculum Vitae – providing a record of publications with CIF for the past 2-3 years before the date of application.*
- ii) *Copy of passport*
- iii) *Application form*

4.3 Penempatan Calon Sepanjang Tempoh dilantik / *Residency of Candidates during the Appointment Period*

Calon yang telah dilantik boleh berada di negara mereka sendiri dalam tempoh perlantikan dibuat namun mereka perlu berada di UTM dalam tempoh tertentu dengan perakuan dan penyeliaan Pusat Tanggungjawab yang bertanggungjawab. Calon akan ditempatkan di *Centres of Excellence (CoE)* atau *Research Group (RG)* di Fakulti.

The appointed candidate can be in their own country during the period of appointment but they must be in UTM for a certain period of time with the recommendation and supervision by the respective supervisor/department in charge.

4.4 Kemudahan Tambang Penerbangan / *Flight Fare Amenities*

Pembiayaan perjalanan calon (tiket penerbangan Kelas Ekonomi) hanya boleh dibiayai satu kali (pergi dan balik) sahaja sepanjang tempoh lantikan. Calon dikehendaki untuk membeli dahulu tiket penerbangan dan seterusnya memohon pembayaran semula daripada UTM sebaik sahaja mereka tiba. Sekiranya calon hendak membawa isteri/ahli keluarga bersama, mereka adalah tanggungan calon sendiri.

Payments for the candidate's air tickets can only be made ONCE ONLY during the period of appointment. A candidate must purchase the air tickets and request for reimbursement as soon as he/she arrives. If a candidate, wishes to bring his/her spouse or other family members, he/she will bear the cost.

4.5 Tempoh Perlantikan / *Appointment Period*

Tempoh lantikan calon adalah bagi tempoh 6 bulan.

Appointment period is 6 months.

4.6 Penyeliaan / *Supervision*

Calon yang dilantik hendaklah diletakkan di bawah pemantauan seorang atau lebih penyelia di bawah Pusat Kecemerlangan (CoE) dan Kumpulan Penyelidikan (RG) Fakulti dengan hanya seorang penyelia sahaja didaftar sebagai pemohon di dalam borang permohonan. Penyelia perlu memastikan calon bekerja dengan ahli dalam entiti penyelidikan dinyatakan. Penyelia adalah bertanggungjawab untuk menyelia dan memastikan calon berjaya menghasilkan/menyiapkan penulisan artikel dalam tempoh yang ditetapkan dan menghantar borang penilaian.

Appointed candidate must be supervised by one or more supervisors. However, only one supervisor should be registered as the applicant in the application form. The supervisor is responsible for supervising and ensuring that the candidate successfully produces articles within the specified period and also for sending the candidate's evaluation form.

4.7 Kolaborasi Penyelidikan / *Research Collaboration*

Bagi mewujudkan kolaborasi penyelidikan secara global, calon yang dilantik juga hendaklah bertanggungjawab untuk membentuk sebuah jalinan kerjasama antara UTM dengan organisasi luar negara tertentu untuk menjalankan aktiviti penyelidikan secara kolaborasi (perolehan geran, MOU, penganjuran seminar, konferen dan lain-lain). Calon dibenarkan untuk menghadiri apa-apa seminar/konferen dalam dan luar Negara tetapi dengan syarat ianya atas pembiayaan peribadi/sendiri. Universiti berhak untuk menolak sebarang tuntutan kewangan bagi perkara tersebut sekiranya dikemukakan.

To produce worldwide research collaborations, the appointed candidate must be responsible to form collaborations between UTM and foreign organizations in carrying out the research activities (through revenue grants, MOU, organizations of seminars, conferences, etc.). The candidate is allowed to attend any local or international seminars/conferences with the condition that it is personally financed. The university reserves the right to reject any claims made related to this matter.

4.8 Kewangan dan Tuntutan Bayaran / *Management and Finance*

Urusan kehadiran calon ke UTM hendaklah diuruskan sepenuhnya oleh pemohon dengan dibantu oleh pihak Pusat Kecemerlangan (CoE), Kumpulan Penyelidikan (RG) atau Fakulti/ Sekolah berkaitan. Pihak tersebut juga bertanggungjawab membantu dalam urusan kewangan yang berkaitan dengan tuntutan pembayaran semula biaya penerbangan, sewa rumah dan lain-lain yang telah didahulukan oleh calon, pembayaran honorarium calon setiap bulan dan lain-lain urusan kewangan yang dibenarkan sehingga calon menerima pembayaran. Sekiranya tempoh pembayaran honorarium calon tidak cukup sebulan, maka pengiraan akan dibuat secara 'pro-rate basis'.

The candidate's attendance at UTM should be fully monitored by the applicant, assisted by Centres of Excellence (CoE), Research Group (RG) or Faculty/ School. They are also responsible for assisting in financial matters such as air fare reimbursement claims, accommodation and other advancements made, honorarium and other related financial matters allowed. They are also responsible to ensure that all payments have been completed in accordance with the required period. However, if the period of payment for a candidate's honorarium is less than a month, it will be calculated proportionately.

4.9 Tuntutan Bayaran Balik Bagi Bayaran Hotel / Sewa Rumah *Hotel / Rental Claims*

Calon adalah dibenarkan untuk memilih menginap di hotel atau kemudahan penginapan yang disediakan oleh Universiti (Scholar's Inn) atau boleh memilih untuk mencari penginapan alternatif dan membuat tuntutan bayaran kepada Universiti.

Peruntukan untuk penginapan dan tambang kapalterbang tertakluk kepada kadar maksima RM3,300 setiap Penyelidik Felo sepanjang tempoh lantikan.

The candidate is allowed to stay at hotel or staying at the Scholar's Inn provided by Universiti Teknologi Malaysia or rent a house and can forward the claim to the university.

Maximum allocation for both flight fare and accommodation are RM3,300 per Research Fellow during the term of appointment.

4.10 Pembatalan Kontrak Perlantikan / *Cancellation of Contract of Appointment*

Pihak universiti berhak untuk menamatkan kontrak perlantikan mana-mana calon yang didapati telah melanggar syarat perlantikan secara serta-merta. Calon yang mohon untuk menamatkan perkhidmatan, dalam tempoh 6 bulan akan diminta membayar semula jumlah elaun yang telah dibayar.

The university have the right to terminate the contract of appointment of any candidate who is found to have breached the terms of the appointment immediately. Candidates who apply to terminate the service within 6 months will be required to repay the amount of allowance paid to them.

4.11 Aktiviti Pengajaran / *Teaching Activities*

Calon yang dilantik di bawah skim ini dikecualikan daripada sebarang aktiviti pengajaran di Universiti sebaliknya menumpukan sepenuh perhatian terhadap aktiviti penyelidikan secara total demi memastikan hasrat UTM untuk menghasilkan penerbitan berimpak tinggi menerusi perlantikan penyelidik luar negara ini dapat dimanfaatkan.

A candidate who is appointed under this scheme is exempted from any teaching activity and should fully concentrate on research activities to ensure that UTM's aspiration to produce high-impact publications, with the appointment of these foreign researchers, can be achieved.

5.0 BAYARAN HONORARIUM / *PAYMENT OF HONORARIUM*

Jumlah honorarium yang diberikan adalah RM5,000.00/bulan. Calon akan dibayar honorarium secara tetap setiap bulan sepanjang tempoh perlantikan.

Total honorarium is RM5,000/month. Candidates will be paid honorarium on a monthly basis throughout the duration of the appointment.

6.0 KEMUDAHAN / *FACILITIES*

Berikut adalah kemudahan yang disediakan yang boleh dinikmati oleh calon sepanjang tempoh perlantikan

6.1 Emel / *Email*

6.2 Wi-Fi / *Wifi*

6.3 Penggunaan makmal / *Research Lab*

7.0 BORANG PERMOHONAN / *APPLICATION FORM*

Semua permohonan perlu menggunakan borang permohonan yang disediakan.

All applications should be completed using the application form provided.

8.0 PANEL PEMILIH / *SELECTION PANEL*

Calon yang dilantik hendaklah melalui kelulusan Mesyuarat Panel Perlantikan Penyelidik Felo yang terdiri daripada panel seperti berikut:

The candidate appointed shall be through the approval of the following panel:

8.1 Pengerusi (Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) atau Gantian Pengerusi yang terdiri daripada Pengerusi Penyelidikan Bersekutu

Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation) / Replacement Chairman among Chair of Research Alliance

8.2 2 orang wakil Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi, Pembangunan & Alumni)

2 *Deputy Dean (Research & Innovation)*
8.3 2 orang Pengerusi Penyelidikan Bersekutu

2 Chair of Research Alliance

8.4 2 orang Pengarah Institut

2 Institute Director

8.5 Pengarah RMC

RMC Director

8.6 Timbalan Pengarah RMC

RMC Deputy Director

9.0 VISA / VISA

Calon perlu rujuk *Standard of Practice (SOP)* yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia

Candidates need to refer to the Standard of Practice (SOP) set by Malaysian Immigration Department

10.0 BAYARAN CUKAI PENDAPATAN

Calon bertanggungjawab membayar cukai pendapatan ke atas Gaji & Emolumen tertakluk kepada Akta Cukai pendapatan 1967. 28% akan ditolak daripada jumlah honorarium yang diperolehi iaitu mengikut kadar percukaian yang telah ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Candidates are responsible for paying income tax subject to Income Tax Act 1967. 28% will be deduct from the honorarium received base on rate set by Inland Revenue Board.

11.0 SEKRETARIAT / *SECRETARIAT*

Unit Post Doctoral, Pusat Pengurusan Penyelidikan merupakan sekretariat bagi urusan perantikan Penyelidik Felo .

Post-Doctoral Unit, Research Management Centre will be the secretariat for Research Fellow appointment process.